

KAJIAN IMPAK KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP ALAM SEKITAR DI KG DAINGIN, PAPAR.

PENGENALAN

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang dijalankan terhadap masyarakat di Kampung Daingin, Papar. Tujuan utama kajian adalah untuk mengenal pasti sikap dan amalan masyarakat terhadap isu alam sekitar di Kampung Daingin, Papar. Data kajian telah diperolehi secara kuantitatif melalui kaedah soal selidik. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 50 orang responden di Kampung Daingin, Papar. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan orang awam terhadap isu-isu alam sekitar berbeza. Pengetahuan tentang program kitar semula adalah sederhana. Sikap orang awam terhadap isu alam sekitar pula dikategorikan pada tahap yang masih rendah. Hasil kajian juga mendapati amalan orang awam terhadap pemuliharaan alam sekitar di Kg Daingin berada pada tahap rendah.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk melihat sikap dan amalan masyarakat Malaysia terhadap isu berkaitan alam sekitar. Secara spesifiknya kajian ini memantau sikap dan amalan masyarakat terhadap isu-isu alam sekitar. Pengetahuan masyarakat dilihat melalui beberapa isu alam sekitar antaranya pencemaran dan proses kitar semula.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik. Responden kajian adalah terdiri daripada pendudukan di Kampung Daingin, Papar. Responden yang dipilih adalah secara rawak. Responden terdiri dari pelbagai usia antaranya remaja sehingga peringkat dewasa. Sejumlah 50 borang soal selidik telah diedarkan di Kampung Daingin. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini di bahagikan kepada beberapa bahagian sikap dan amalan terhadap isu dan pemuliharaan alam sekitar serta media yang dipilih sebagai saluran maklumat berkenaan alam sekitar.

DAPATAN HASIL KAJIAN

SIKAP MASYARAKAT UMUM TERHADAP ALAM SEKITAR

Berdasarkan analisis kajian yang telah dijalankan terhadap sikap responden tentang isu alam sekitar, didapati responden menunjukkan sikap yang negatif kerana min keseluruhan berada pada tahap min rendah iaitu 2.04. Sikap responden yang paling tinggi ialah bagi item 'saya sayangkan alam sekitar saya' iaitu seramai 36 (30.3%) responden menyatakan sangat setuju. Walau bagaimanapun, masih ramai responden di Kampung Daingin yang sangat bersetuju dengan item masalah menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab kerajaan bukan saya' iaitu 17 (14.3%).

JADUAL 1. Sikap terhadap Isu Alam Sekitar di Kampung Daingin, Papar

Sikap Responden Terhadap Isu Alam Sekitar	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Sangat Tidak Setuju (%)	MIN	TAHAP
1. Saya sanggup menyumbang sebahagian kecil pendapatan saya untuk alam sekitar	9 (7.6)	39 (32.8)	1 (0.8)	-	1.83	Rendah
2. Masalah menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab kerajaan bukan saya	16 (13.4)	1 (0.8)	17 (14.3)	15 (12.6)	2.63	Sedarhana
3. Saya sanggup mengurangkan keselesaan hidup saya demi menjaga alam sekitar	4 (3.4)	30 (25.2)	14 (11.8)	1 (0.8)	2.24	Rendah
4. Menjaga alam sekitar menyusahkan saya	3 (2.5)	12 (10.1)	13 (10.9)	20 (16.8)	3.04	Sederhana
5. Saya percaya saya boleh menyumbang kepada alam sekitar yang lebih baik	23 (19.3)	23 (19.3)	1 (0.8)	1 (0.8)	1.58	Rendah
6. Saya sanggup membayar lebih bagi membeli produk-produk yang mesra alam sekitar	10 (8.4)	33 (27.7)	5 (4.2)	-	1.90	Rendah
7. Saya rasa saya lebih berpuas hati sekiranya menjaga alam sekitar	25 (21.0)	23 (19.3)	-	1 (0.8)	1.53	Rendah
8. Menjaga alam sekitar tidak penting bagi saya	11 (9.2)	8 (6.7)	7 (5.9)	23 (19.3)	2.86	Sederhana
9. Apa yang saya lakukan tidak akan memberi kesan besar terhadap alam sekitar	17 (14.3)	6 (5.0)	15 (12.6)	11 (9.2)	2.41	Sederhana
10. Saya sayangkan alam sekitar saya	36 (30.3)	12 (10.1)	1 (0.8)	1 (0.8)	1.34	Rendah
MIN KESELURUHAN					2.13	Rendah

AMALAN MASYARAKAT UMUM TERHADAP ALAM SEKITAR

Hasil kajian mendapati amalan masyarakat umum terhadap alam sekitar di Kampung Daingin, Papar berada pada tahap min yang rendah iaitu 2.03. Amalan yang paling kerap dilakukan oleh responden ialah bergiat aktif dalam mengurangkan penggunaan tenaga, memadamkan lampu, menggunakan perkakasan atau pemanasan dan penyejukan kediaman dengan lebih efisien iaitu 35 responden (29.4%) manakala amalan yang paling tidak pernah dilakukan ialah memproses lebihan makanan untuk dibuat baja iaitu 19 responden (16.0%).

JADUAL 2 . Amalan terhadap Isu Alam Sekitar di Kg Daingin, Papar

Amalan Responden Terhadap Isu Alam Sekitar	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Sangat Tidak Setuju (%)	MIN	TAHAP
1. Mengamalkan proses kitar semula	17 (14.3)	21 (17.6)	12 (10.1)	-	1.90	Rendah
2. Mengelakkan mengambil beg plastik sewaktu membeli belah	14 (11.8)	28 (23.5)	5 (4.2)	3 (2.5)	1.94	Rendah
3. Memproses lebihan makanan untuk dibuat baja	13 (10.9)	3 (2.5)	15 (12.6)	19 (16.0)	2.80	Sederhana
4. Memilih barang keperluan rumah yang anda fikir memberi kebaikan kepada alam sekitar	27 (22.7)	18 (15.1)	5 (4.2)	-	1.96	Rendah
5. Mengelakkan membuang minyak, cat atau bahan kimia ke dalam sinki atau tandas	22 (18.5)	4 (3.4)	23 (19.3)	1 (0.8)	2.06	Rendah
6. Mengelakkan pencemaran longkang besar (tidak membuang sampah ke dalam longkang)	24 (20.2)	19 (16.0)	7 (5.9)	-	1.66	Rendah
7. Bergiat aktif dalam mengurangkan penggunaan tenaga, (memadamkan lampu, menggunakan perkakasan atau pemanasan dan penyejukan kediaman dengan lebih efisien)	35 (29.4)	12 (10.1)	3 (2.5)	-	1.36	Rendah
8. Berbasikal atau berjalan kaki bagi mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor	19 (16.0)	14 (11.8)	16 (13.4)	1 (0.8)	1.98	Rendah
9. Menyertai program berkaitan pembangunan isu-isu alam sekitar (menulis surat, menghadiri mesyuarat dan sebagainya)	11 (9.2)	12 (10.1)	20 (16.8)	6 (5.0)	2.43	Sederhana
10. Membawa bekas sendiri apabila membeli makanan	9 (7.6)	22 (18.5)	5 (4.2)	12 (10.1)	2.42	Sederhana
MIN KESELURUHAN					2.0	Rendah

PERBINCANGAN

SIKAP MASYARAKAT UMUM TERHADAP ALAM SEKITAR

Secara keseluruhannya, sikap orang awam terhadap isu alam sekitar pada tahap membimbangkan. Hasil kajian awal mendapati kebanyakan responden berpendapat masalah menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab kerajaan. Ini menunjukkan kesedaran ke atas pemuliharaan alam sekitar di Kg Daingin terutamanya masih kurang walaupun pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan.

AMALAN MASYARAKAT UMUM TERHADAP ALAM SEKITAR

Secara keseluruhannya, tahap amalan orang awam masih di tahap yang rendah. Hasil kajian awal mendapati masih ramai responden yang tidak pernah melakukan amalan memproses lebihan makanan untuk dibuat baja; mengelak mengambil beg plastik sewaktu membeli-belah dan mengurangkan penggunaan air untuk penjagaan alam sekitar. Ini mungkin kerana mereka tidak dididik dan didedahkan tentang amalan dan kaedah untuk hidup secara mesra alam. Hasil kajian awal juga mendapati, ramai responden di Kg Daingin yang mengamalkan amalan kitar semula. Responden di Kg Daingin tidak mengamalkan membawa bekas sendiri atau eko-beg apabila membeli makanan atau membeli-belah dan mereka lebih kerap mengamalkan berbasikal atau berjalan kaki bagi mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perkembangan dalam bidang pendidikan alam sekitar menunjukkan harapan yang positif dan peluang untuk terus maju. Pendokong pendidikan alam sekitar haruslah memastikan bahawa bidang ini akan terus kekal relevan selaras dengan perkembangan dunia masa kini. Ini penting kerana pendidikan alam sekitar yang berkesan akan membentuk individu 'celik alam sekitar' yang boleh mengambil tindakan yang bersesuaian meskipun jenis masalah alam sekitar yang dihadapinya mungkin berbeza.